

—Sikap Australia diselar—

P
PASIR MAS, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyelar sikap Australia yang tidak berusaha mencari jalan untuk berbaik dengan negara ini.

Menurutnya, hubungan yang renggang di antara kedua-dua negara tidak akan pulih selagi Australia tidak mahu menghormati negara lain.

"Mereka boleh mengata sesuka hati terhadap kita, tetapi apabila kita menegur, mereka marah.

"Kita juga tidak menafikan akhbar mereka bebas melaporkan apa

saja kerana ia sudah menjadi kebudayaan mereka," katanya ketika berucap merasmikan Jambatan Pasir Mas-Salor di Kampung Aur Duri di sini, hari ini.

Sambil menyifatkan hubungan di antara kedua-dua negara sebagai 'kurang baik sekarang', beliau berharap Australia mencari jalan untuk memperbaikinya.

"Kita kurang seronok sikit dengan dia (Australia) kerana dia kata kita macam-macam, tapi bila kita marah kepada dia, dia kata kita tak ada hak nak marah kepada dia," katanya.